

24 APR 1997

Mohamed-Media

MEDIA PERLU PERTIMBANGKAN IMPLIKASI BAHAN SIARAN

BANGI, 24 April (Bernama) -- Media massa perlu membuat pertimbangan mendalam akan kesan-kesan positif dan negatif terhadap bahan-bahan yang disiarkan, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

Katanya media massa perlu akur dengan prinsip kebertanggungjawaban seiring dengan peranan mereka dalam menyiarkan bahan-bahan itu.

Berita bercorak sensasi serta menggemparkan tentunya akan menarik minat pembaca dan melariskan jualan tetapi hanya untuk tujuan itu sahaja, sedangkan ia mungkin akan menimbulkan kesan buruk, kata Mohamed dalam ucapan perasmian Persidangan Meja Bulat Ke-2 di sini.

Teks ucapannya dibacakan timbalannya Datuk Suleiman Mohamad.

Persidangan meja bulat bertajuk "Ketembusan Media dan Isu Sosial di Kalangan Remaja" itu dianjurkan Pusat Kajian Media Antarabangsa (ICMS) di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohamed berkata ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya media melaporkan yang benar dan tepat perlulah diberi perhatian sewajarnya.

Laporan yang tidak berasas oleh media Barat jelas telah mencetuskan ketegangan, kata beliau sambil merujuk kepada apa yang berlaku kepada hubungan Malaysia-Britain satu ketika dahulu ekoran laporan seumpama itu.

"Saya fikir kita semua dan media barat memahami kesan dan akibat lantaran laporan berita yang tidak adil dan laporan palsu," katanya.

Mohamed juga berkata sesi perbincangan mengenai media massa sewajarnya diteruskan bagi sama-sama berganding bahu dengan kerajaan menangani masalah sosial di kalangan remaja.

Katanya persidangan yang mampu memupuk ciri-ciri golongan kelas pertengahan pada masa depan juga mestilah menjurus ke arah usaha memupuk keupayaan berfikiran kreatif dan kritikal. -- BERNAMA

MS NMO